



EDISI
MAIS

www.mais.gov.my

TERBELAKAH MUALLAF DI SELANGOR?

MUALLAF DAN KEPRIHATINAN UMAT ISLAM



Ilmu Teras
Kecemerlangan
Muallaf

Ms 5

Tips Muallaf Agar
Mental Kekal
Sihat

Ms 8

Perebutan Hak
Penjagaan Anak
Muallaf

Ms 9



Kata-Kata Hikmah

Bersyukurlah jika Allah SWT memberimu ujian hidup, kerana dengan demikian, Allah SWT memberikanmu kesempatan untuk berubah menjadi manusia yang lebih baik lagi.

Dr. Che Mad

Perwarisan
Harta Muallaf

Ms 17





SISWA

Mudah • Pantas • Patuh Syariah

pilihan utama urus wasiat dan hibah anda

Apakah SISWA? **SISWA** merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh **Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)** bagi memudahkan **permohonan wasiat dan hibah** kepada umat Islam secara dalam talian.

Kelebihan menggunakan SISWA

- ❖ Permohonan dan kelulusan 100% secara dalam talian.
- ❖ Komprehensif menggabungkan dua **permohonan wasiat dan hibah dalam satu sistem pintar**.
- ❖ Pengesahan identiti pemohon menerusi **Electronic Know Your Customer (EKYC)**.
- ❖ Pembayaran permohonan secara perbankan internet.
- ❖ Pengesahan transaksi pemohon secara **One-Time Password (OTP)**.
- ❖ Majlis akad hibah secara sidang video.
- ❖ Penggunaan **tandatangan digital**.



Langkah Menggunakan SISWA

Sila klik pautan ini : <https://siswa.mais.gov.my>

- | | | | |
|---|--|---|--|
| Langkah 01
Klik Daftar Sekarang untuk membuka akaun SISWA | Langkah 02
Klik Pengesahan yang diantar melalui emel didaftarkan | Langkah 03
Log Masuk menggunakan ID Pengguna & Kata Laluan yang telah dietapkan | Langkah 04
Pilih untuk Mohon Wasiat atau Mohon Hibah |
| Langkah 05
Lengkapkan Maklumat dan buat pengesahan melalui EKYC | Langkah 06
Membuat Bayaran secara atas talian | Langkah 07
Pengesahan permohonan oleh pihak MAIS yang akan diterima melalui emel dan sms yang didaftarkan | |



► Mudah • Pantas
• Patuh Syariah

<https://siswa.mais.gov.my>

Info lanjut : Tel : 03-5514 3773 atau 3772

Whatsapp : <https://wasap.my/60193830032/SISWA> | E-mel : siswa@mais.gov.my



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy

www.mais.gov.my



Sidang Editorial
EDISI

KETUA PENGARANG

Noormala binti Mohd Saad

PENGARANG

Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Hamizul bin Abdul Hamid
Halim bin Mokhtar
Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ahmad Firdaus bin Muhammad

Hasal bin Senin

Shahrul Effendy bin Md Saat

ISU MUALLAF: BENARKAH TERPINGGIR?

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
 Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

“ Bergelar saudara baharu bukanlah mudah. Ada yang terpaksa merahsiakan identiti sebagai seorang Islam bagi menjaga perasaan ahli keluarga, mengelakkan diri daripada dibuang keluarga serta dipulau sanak saudara mahupun rakan-rakan dan tinggal sehelai sepinggang.” Johari Yap, Sinar Harian (19 Mei 2019).

Demikian secebis komen seorang muallaf. Hakikatnya, menjadi muallaf bukan mudah. Apa lagi bagi mereka yang status sosio-ekonominya rendah dan tidak berpendidikan tinggi. Cabaran yang berliku sedang menanti. Di satu sisi, mereka menghadapi isu penolakan dari ‘dunia’ sebelum Islam. Di satu sisi lagi, mereka berdepan dilema ‘penerimaan’ umat Islam kepada mereka?

Ingat, bukan senang bagi mereka meninggalkan kebiasaan lama yang mungkin bercanggah total dengan agama Islam. Sebelum Islam, hidup adalah tanpa sekatan. Kini, makan minum yang haram perlu dijauhkan. Pergaulan bebas lelaki dan perempuan menjadi larangan. Muamalah riba, judi, kelab malam dan sebagainya perlu dihindarkan.

Bukan mudah juga bagi mereka untuk mengamalkan kebiasaan baharu yang dahulunya tidak pernah dilakukan. Menutup aurat khasnya bagi perempuan, panas dan mengekang. Wajib solat lima kali sehari semalam. Zakat diberi dari harta yang dicari. Wajib berpuasa sebulan Ramadhan. Jual beli ada tatacara syariah yang wajib dijaga. Pendeknya, semua perlu dibuat ‘alignment’ semula.

Sejarah pula menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW amat meraikan para muallaf ini. Baginda memberikan hadiah kepada mereka, dan zakat adalah satu keutamaan buat mereka. Akhirnya, mereka merasa begitu selamat setelah memeluk Islam. Tiada langsung kalimah penyesalan. Malah, ia menjadi alat untuk menarik orang lain kepada Islam.

Namun begitu, menyorot kepada isu-isu semasa muallaf di negara kita khususnya yang menyentuh negeri Selangor, kadang-kadang terasa sesak di dada. Hampir saban waktu, kita dihadapkan dengan isu muallaf. Isu perebutan anak, isu perebutan jenazah muallaf, isu muallaf merempat kerana dipinggirkan, isu muallaf terjebak dengan kes dadah dan sebagainya lagi.

Dalam isu perebutan anak di antara pasangan suami isteri muallaf dan bukan Islam, sering anak-anak menjadi mangsa. Isu ini juga sering dilihat menjadi hambatan kepada kelestarian agama anak-anak, lantaran kewujudan dwisistem perundungan antara syariah dan sivil sering dijadikan alasan menafikan keislaman mereka.

Sepanjang lipatan peristiwa, bukan sekali dua isu ini memijar dan jika tersalah langkah boleh menyulut api perkelahian. Maka, bagaimanakah kita perlu menanggapinya? Adakah cukup dengan hanya memanjatkan doa dan berpuas hati dengan memuatkan hantaran mengkritik itu dan ini di media sosial?

Demikian jugalah isu perebutan jenazah muallaf, bukan sekali dua ia mencuri perhatian. Malah, ada kes-kes terpencil jenazah muslim diselenggara secara bukan Islam lantaran kegagalan aspek teknikal semata-mata, misalnya tidak didaftarkan keislamannya dan kegagalan dia menyimpan kad pendafataran muallaf dengan baik.

Jangan dilupa isu-isu sinis, kononnya golongan muallaf ini sengaja memilih Islam untuk meraih pelbagai kelebihan dan keistimewaan. Adakalanya ia benar, namun ia tidak boleh disamaratakan kepada semua muallaf. Malah jika benar sekali pun, apakah hak kita untuk menghukum mereka. Iman di sebalik lafadz syahadah adalah benda yang tersimpan di sudut hati. Kita tidak berkuasa menghukum benda yang tersembunyi.

Lantaran pelbagai isu itulah, Edisi pada kali ini tampil dengan pelbagai pendedahan demi merungkai persoalan. Isu tetap isu. Namun apa yang lebih utama, bagaimana isu dirungkai dan menjadi satu penyelesaian. Selamat membaca! **Edisi**



ISU MUALLAF: SOLUSI DI SEBALIK ISU

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)

Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Memeluk Islam di Selangor tidaklah sesusah membina Taj Mahal. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menyediakan 34 Pusat Pengurusan Pengislaman (PPP) yang bertanggungjawab membantu mereka yang mau memeluk Islam. Inisiatif ini turut didokong Pejabat Agama Islam Daerah, Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (PIBK) dan 15 di Masjid dengan kebenaran MAIS.

Namun demikian, isu-isu yang timbul pasca keislaman itulah yang merungsingkan. Isu-isu inilah yang menjadi satu beban moral dan agama kepada MAIS, agar dapat ditangani dengan hikmah. Lebih utama lagi, agar ia sampai tidak mencacatkan imej Islam.

Ya, mana mungkin kita hanya menyenaraikan sahaja segala isu tanpa berfikir jalan keluar. Justeru itu, demi merungkai perdebatan ini, MAIS dan seluruh agensi sebenarnya sangat serius membantu muallaf di Selangor. Bukti keseriusan itu terpapar bukan pada perkataan atau kertas-kertas kerja; sebaliknya ia telah, sedang dan akan terus diterjemahkan ke dunia nyata.

Buktinya, melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS), muallaf telah difatwakan sebagai asnaf paling utama dan disekalikan dengan asnaf fakir dan miskin. Ertinya, segala skim bantuan yang diberikan kepada fakir dan miskin, turut layak diterima mereka. Lebih dari itu, ada skim tertentu khusus buat mereka seperti skim bantuan berkhutan dan bantuan perkahwinan muallaf.

Keseriusan ini juga terpamer dengan penubuhan Baitus Salam oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sejak 1980-an lagi. Kala itu, ia berfungsi sebagai pusat perlindungan muallaf. Seterusnya pada 2014, MAIS telah membangunkan kompleks lebih sempurna di Jalan Kebun, Klang dan beroperasi penuh pada 2016. Tahun 2017, transformasi Baitus Salam disempurnakan dengan pengurusan yang lebih efisien oleh LZS.

Kini ia bukan sekadar rumah perlindungan, kerana turut berfungsi sebagai pusat komuniti muallaf yang mewujudkan ruang paling kondusif untuk mereka saling bertemu dan menguatkan. Malah inilah kesempatan untuk mereka menyusun semula hala tuju, selain tempat uzlah dari musibah kehidupan. Jelas, Baitus Salam hakikatnya telah memberikan satu momentum yang cukup penting kepada perkembangan muallaf di Selangor.

JAIS juga sering berkolaborasi dengan pelbagai NGO yang ada di Selangor untuk merangka gerak kerja dakwah kepada muallaf, dengan penglibatan pelbagai etnik, sama ada orang asli yang dahulunya menganut animisme mahu pun dalam kalangan kaum lain yang lebih terbuka kepada penerimaan Islam dan perbedaan fahaman.

Kerjasama dengan NGO seperti Unity Global misalnya, menatijahkan kursus perkaderan dakwah kepada non-muslim yang ditawarkan secara percuma. Lebih utama lagi, ia mendapat sentuhan pendakwah muallaf

berpengalaman seperti Saudara Shahkirit bin Kakulal Govindji dan lain-lain lagi.

Matlamatnya adalah untuk memastikan dakwah kepada non muslim dan muallaf berjalan dengan hikmah, berilmu dan uslub yang betul. Selain ia juga menjadi medan untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang berbangkit dalam kalangan muallaf pascakeislaman mereka. Lebih penting, ia adalah inisiatif agar mereka kekal dalam akidah dan terelak fitnah riddah (murtad).

Malah pelbagai NGO Islam turut aktif membantu muallaf, sehingga banyak sekali kini yang bertindak menjadi badan penyantun muallaf. Antaranya, Islamic Outreach Abim, Hidayah Center Foundation dan Multiracial Reverted Muslim.

MAIS juga menunjukkan komitmen yang sangat tinggi apabila sentiasa ke depan mempertahankan akidah muallaf, walaupun berhadapan dengan situasi kalah menang di mahkamah. Misalnya pada 25 Januari 2022, MAIS merayu kepada Mahkamah Rayuan agar dikembalikan status Islam kepada penukaran agama sepihak tiga kanak-kanak.


Isu bermula dengan tindakan seorang lelaki telah menukar agama tiga orang anaknya kepada Islam secara sepihak pada 16 Mac 2015. Ibu mereka yang non-muslim mendakwa dia tidak dirunding langsung, selain anak-anaknya juga enggan memeluk Islam. Hakikatnya, masih banyak lagi kes yang dilalui oleh MAIS dan tidak mampu dimuatkan di ruang yang ringkas ini.

Pendidikan muallaf juga menjadi prioriti MAIS. Melalui LZS, Kelas Bimbingan Muallaf diadakan dengan kerjasama erat pihak masjid dan para asatizah yang dilantik sebagai Guru Pembimbing Muallaf.

Silibus pendidikan yang komprehensif disediakan, selain Elaun Khas Kehadiran diberikan. Jika sebuah keluarga mempunyai lima orang ahli, maka kelima-limanya dibayar elauan dengan nilai RM40 sekali hadir. Malah usia lima tahun muallaf di Selangor, diambil kira sejak mereka mula memasuki kelas, bukannya dari saat mereka mengucapkan dua kalimah syahadah.

Karnival Muallaf Kebangsaan turut menjadi penanda aras kepada pencapaian muallaf. Selangor boleh berbangga, kerana sebelum COVID-19 melanda, Karnival Muallaf Kebangsaan tahun 2019 menyaksikan delegasi muallaf Selangor pulang dengan menggondol Johan dalam syarahan lelaki dan Naib Johan dalam syarahan wanita, selain Naib Johan pertandingan amali solat dan juga Johan sepak takraw antara negeri.

Kesimpulannya, MAIS dan agensinya termasuk NGO, telah berusaha sebaiknya untuk membantu para muallaf di Selangor. Tinggal lagi, sejauh manakah pula umat Islam berperanan dalam menyantuni mereka. Juga jangan lupa, bagaimana pula peranan para muallaf itu sendiri dalam membangunkan potensi diri ke tahap yang lebih baik dan sekaligus terselamat dari bahaya tindakan yang merugikan. Wallahu'lam. **Edisi**



ILMU TERAS KECEMERLANGAN MUALLAF

Oleh: Halim bin Mokhtar (halim@kuis.edu.my)
Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Ilmu pengetahuan adalah prasyarat dalam membangunkan sebuah negara yang maju dan cemerlang. Ilmu pengetahuan adalah senjata yang paling ampuh dan terbaik untuk mengubah dunia. Ia sangat signifikan dan menjadi kunci kejayaan untuk mencapai keselamatan, kesejahteraan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Setiap insan adalah wajib untuk menuntut ilmu kerana ia adalah Cahaya dan hidayah yang menerangi kehidupan manusia dari kegelapan dan kejahanil. Prof Dr. Syed Naquib Alattas telah mendefinisikan ilmu sebagai ketibaan makna dalam diri seseorang yang menyebabkan berlaku perubahan berdasarkan ilmu yang diperolehi.

Di dalam melahirkan muallaf iaitu orang yang ditambat hatinya untuk dijninakan kepada Islam atau untuk menguatkan mereka terhadap Islam, maka persiapan ilmu dan pendidikan mestilah diutamakan dan dimantapkan dengan kurikulum dan disiplin ilmu bagi menjamin masa hadapan mereka yang lebih terarah serta dapat membuat anjakan paradigma dalam menempuh kehidupan yang lebih mencabar.

Seminar Antarabangsa Muallaf (ICOM 2019) anjuran Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa dan Lembaga Zakat Selangor yang telah diadakan pada 23 November 2019 di Shah Alam telah menetapkan resolusi untuk memperkasa muallaf dalam bidang Ilmu dan pendidikan iaitu Melestarikan pendidikan berterusan bagi melahirkan muallaf yang berilmu.

1 Menyantuni muallaf untuk memberi kesedaran kepentingan ilmu dan pendidikan.

2 Menjalankan pemantauan agar pendidikan golongan Muallaf tidak tercincir.

3 Membina kurikulum dan kaedah pembelajaran sejarah perkembangan semasa.

4 Melaksanakan program mentor-mentee membantu Muallaf.

5 Menjalankan pengajian secara on-line bagi mereka yang sibuk.

6 Mewujudkan perkongsian pintar antara pelbagai institusi pendidikan.

Resolusi ini sangat penting di dalam memperkasakan potensi muallaf di era kontemporari iaitu dengan Ilmu dan Pendidikan. Teras kepada kecermerlangan muallaf adalah berasaskan ilmu melalui pendidikan formal atau tidak formal. Penyaluran ilmu melalui pendidikan dapat melahirkan muallaf yang berjaya dan menjadi contoh kepada masyarakat dan agama. Pendidikan juga merupakan jambatan kepada kecermerlangan muallaf. Semakin tinggi tahap pendidikan seseorang itu maka peluang yang lebih besar untuk berjaya di dalam kehidupan serta dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan di dalam ajaran Islam.

Hakikatnya ilmu dan pendidikan amat penting kerana mampu melengkapi muallaf dengan minda yang progresif dan optimis untuk menguasai pelbagai bidang yang dipelajari khususnya bidang pengajian Islam. Perkara ini amat penting untuk muallaf mengorak langkah membina masa hadapan yang cerah dan dapat menutup segala kebejatan yang sering menghantui muallaf selepas memeluk agama Islam. Muallaf mestilah memastikan matlamat menuntut ilmu adalah jelas di antaranya:



Niat yang ikhlas. Belajar hanya kerana Allah SWT semata-mata bukan kerana kebendaan. Berharap dengan ilmu yang dipelajari dapat memperbaiki diri yang jahil dan dapat menyebarkannya kepada orang lain.

1

Bersedia berkorban. Proses menuntut ilmu sememangnya memerlukan banyak pengorbanan. Tiada jalan mudah untuk berjaya. Sebaliknya hendaklah bersiap sedia untuk berkorban dari sudut tenaga, masa, kewangan dan kehidupan.

2

Sumber yang Berautoriti. Memastikan setiap ilmu yang dipelajari jelas dari siapa, apa dan dimana. Ini bagi memastikan trek pengajian ilmu berjalan di atas landasan syariah bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadith.

3

Mengamalkan ilmu. Hal ini menjelaskan bahawa semakin berilmu yang dimiliki oleh seseorang maka semakin banyak amalan yang dilakukan. Bukan sekadar di dalam kelas atau kerana sehelai sijil tetapi penghayatan terhadap ilmu akan meningkatkan ketaqwaaan dan hidayah di dalam kehidupan.

4

Berdoa kepada Allah. Sebaik-baik pertolongan adalah daripada Allah agar diper mudahkan dan diberikan kekuatan dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sepanjang perjalanan ilmu dengan kefahaman dan penghayatan.

Adalah sangat penting untuk muallaf memandang serius terhadap kepentingan menuntut ilmu dan menggunakan peluang pendidikan yang ada untuk belajar hingga ke peringkat yang paling tinggi agar dapat melakar kegemilangan pada masa hadapan. Semua pihak haruslah memainkan peranan dalam memastikan kerancakkan penyebaran ilmu pengetahuan yang meluas kepada setiap muallaf.

Bagi melahirkan muallaf yang cemerlang dan menjadi harapan kepada ummah peranan institusi pendidikan sangat penting dalam mencorak pemikiran dan peradaban. Bermula dari pihak berwajib, swasta dan NGO. Oleh yang demikian KUIS telah mengambil tanggungjawab untuk menawarkan dan menyediakan lanskap pengajian yang holistik khususnya kepada muallaf untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. KUIS bersedia menyediakan ruang dan peluang untuk muallaf khususnya anak-anak muallaf untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi dengan bantuan pembiayaan daripada Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Zakat KUIS.

Firman Allah yang bermaksud “*Supaya Allah SWT meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjah*”. (al-Mujadalah: 11)

Memetik pesanan Ulama tentang kepentingan Ilmu “Sesungguhnya kebahagiaan dan keceriaan itu datang bersama ilmu pengetahuan. Sekiranya anda mengingini kebahagian, maka tuntutlah ilmu, carilah ilmu pengetahuan, dan raihlah pelbagai manfaatnya, nescaya hilanglah segala kesedihan, kepedihan dan kecemasan” dan “Tuntutlah ilmu sebanyak mungkin kerana ia akan menjaga kamu dan membuat kamu cemerlang di dunia dan di akhirat”.

Kesimpulannya ilmu itu sangat berharga dan teras kecermerlangan muallaf. Semangat menimba ilmu mestilah sentiasa diperkasakan. Ambil kesempatan bukan mencipta alasan. Ilmu itu tidak akan diperolehi sekiranya tidak dicari dan dipelajari. Menuntut ilmu merupakan ketaatan yang tertinggi dan ibadat yang paling mulia serta membina kemuliaan yang tertinggi di sisi Allah.. Yakinlah dengan ilmu dan pendidikan kita bersedia memikul tanggungjawab sebagai hamba dan Khalifah Allah di muka bumi. #cintailmu **Edisi**

MUALLAF: HUBUNGAN DENGAN KELUARGA NON-MUSLIM

Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Bergelar saudara baharu bukanlah perkara mudah, tidak seperti mereka yang dilahirkan sebagai seorang Islam. Bagi mereka yang bergelar muallaf pada usia muda, cabaran yang ditempuhi barangkali lebih hebat, lebih-lebih lagi jika masih bergantung kepada keluarga, seperti mereka yang masih di bangku sekolah atau universiti.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, ibu bapa merupakan dua insan yang wajib ditaati oleh anak-anak selagi mana mereka tidak menyeru kepada perkara-perkara maksiat. Anak-anak wajib berbuat baik terhadap kedua ibu bapa mereka walaupun mereka tidak beriman dan menyeru kepada kekufturan. Hubungan ibu bapa dan anak-anak akan kekal walaupun berlainan agama.

Imam Ibn Kathir berkata: "Jika kedua orang tuamu memaksa kamu kepada agama mereka, maka janganlah kamu mengikutnya dan dalam pada masa yang sama ia tidaklah menjadi penghalang bagimu untuk berbakti kepada keduanya di dunia dengan cara yang baik."

Dalam mendepani masalah tersebut, 3 perkara utama berserta solusi yang biasa berkait dengan isu pergaulan dengan keluarga non-muslim adalah seperti berikut:

1 ISU PERGAULAN BERSAMA IBUBAPA

Islam tidak menghalang orang bukan Islam yang memeluk Islam untuk terus berhubungan dan bersilaturrahim dengan keluarganya yang bukan Islam. Malah di dalam al-Quran, ALLAH Subhanahu Wa Ta'alā memerintahkan seorang muslim untuk tetap melayani dengan baik ibu-bapanya yang bukan Islam walaupun mereka pernah mengajaknya untuk mensyirikkan ALLAH (Kembali kepada agama asal).

Allah SWT telah berfirman:

Maksudnya: "Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau memperseketukan-Ku atas sesuatu yang engkau tidak mengetahuinya, maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik."

Surah Luqman: 15

2

ISU MAKAN BERSAMA

Harus hukumnya untuk makan bersama keluarga yang tidak Islam, malah harus makan makanan yang dimasak/dihidangkan oleh orang bukan Islam, namun hendaklah dipastikan dahulu makanan itu adalah halal dan tidak bercampur dengan sebarang bahan yang haram.

Mengenai bekas yang digunakan oleh ahli keluarga yang bukan Islam pula, harus juga digunakan bekas tersebut jika diyakini bersih. Jika tidak mendatangkan fitnah dan syak wasangka di kalangan ahli keluarga lain, adalah lebih baik untuk membasuh bekas-bekas tersebut terlebih dahulu sebelum menggunakan.

3

ISU IBADAH SOLAT

Maka, Apabila seseorang muallaf sudah bergelar Islam, wajib ke atasnya mempelajari tatacara solat dan menunaikannya sekadar kemampuannya sebagai seorang yang baru mempelajari Islam. Dalam isu ini, carilah bilik atau ruangan yang bersih untuk beribadah. Kikis perasaan takut dan cari jalan yang harmoni khususnya jika keluarga tidak bersetuju. Pastikan kita melakukan ibadah kerana Allah dan bukan kerana takut kepada makhluk. Hal ini seperti mana bacaan kita dalam doa iftitah yang kita baca sewaktu solat:

Maksudnya: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam."

KESIMPULAN

Kami berpandangan bahawa tidak menjadi masalah untuk tinggal bersama dengan ahli keluarga yang masih belum memeluk Islam. Sifat yang mulia dan berhikmah hendaklah sentiasa ditonjolkan agar menjadi bentuk dakwah dan secara tidak langsung kepada anggota keluarga. Satu peluang dakwah yang terbuka luas untuk dimanfaatkan serta dapat memberi penerangan secara langsung mengenai Islam kepada ahli keluarga yang masih belum memeluk agama Islam. Wallahu'lam. **Edisi**



PENGURUSAN KEBAJIKAN MUALLAF DI SELANGOR

Oleh: Hasal Bin Senin (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif, MAIS

Pengurusan kebajikan muallaf bukanlah sesuatu yang boleh dipandang mudah memandangkan terdapatnya peningkatan jumlah muallaf saban tahun. Di Negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) berautoriti dalam mentadbir hal ehwal muallaf. Di samping itu, wujud juga beberapa agensi bukan kerajaan (NGO) yang turut ditubuhkan bagi menjalankan fungsi-fungsi berkaitan muallaf. Diperingkat MAIS pula telah melaksanakan pemindahan fungsi perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan agihan, bantuan kebajikan dan pendidikan bagi muallaf di Negeri Selangor kepada Lembaga Zakat Selangor berkuatkuasa pada 1 April 2017. Pemindahan urusan agihan dan bantuan telah direalisasikan dengan pewartaan terhadap pindaan dalam Peraturan-peraturan Pendaftaran, Penjagaan dan Pengajaran Muallaf (Negeri Selangor) (Pindaan) Tahun 2017 dalam warta Kerajaan Negeri Selangor Sel. P.U 10 Jil. 70 No. 6 Tambahan No .7 Perundangan pada 16 Mac 2017. Pindaan peraturan tersebut selaras dengan pemberian kuasa oleh MAIS kepada LZS bagi menguruskan hal ehwal muallaf di Negeri Selangor. Pemindahan urusan agihan dan bantuan tersebut bertujuan bagi penyelarasan dan pemusatan fungsi dan aktiviti MAIS ke LZS dalam mengatasi permasalahan pertindihan tugas serta menambah baik sistem perkhidmatan pelanggan yang sedia ada terutama kepada asnaf muallaf di Negeri Selangor.

Bagi memenuhi keperluan spiritual muallaf, pihak berwajib juga menguruskan pendidikan muallaf melalui kelas-kelas bimbingan, kursus dan bengkel yang dianjurkan secara atas talian atas faktor COVID-19. Pada peringkat permulaan selepas muallaf itu masuk

Islam, diwajibkan mengikuti kursus pengenalan kepada agama Islam sekurang-kurangnya selama tiga hingga lima hari. Kursus seumpama ini diadakan sebagai satu platform supaya muallaf mendapatkan pendedahan awal terhadap perkara-perkara asas dalam Islam sama ada dalam bentuk teori maupun praktikal seperti perkara tauhid, ibadah solat, cara mandi wajib dan lain-lain lagi. Selain dapat mengikat muallaf yang masuk Islam atas kepentingan tertentu seperti perkahwinan dan sebagainya, ia turut menarik minat muallaf untuk terus mendalami agama Islam. Bagi pendidikan berkala secara harian maupun mingguan, pihak berwajib telah memainkan peranan bagi mengadakan kelas-kelas bimbingan fardu ain kepada muallaf.

Baitus Salam pula merupakan tempat perlindungan yang bersifat sementara kepada asnaf muallaf. Ia bertindak seperti sebuah pusat komuniti kepada muallaf bagi menyusun semula hala tuju seorang muallaf apabila memeluk agama Islam atau ketika ditimpah sesuatu musibah. Ini memberi suatu transformasi kepada kebajikan muallaf di Negeri Selangor. Antara objektif penubuhan Baitus Salam ialah :

- Melaksanakan tuntutan bahagian V perkara 26 berkaitan perlindungan muallaf, peraturan-peraturan penjagaan dan pengajaran bagi muallaf (Negeri Selangor) 2009 pindaan 2013.
- Sebagai pusat perlindungan muallaf yang disisihkan oleh keluarga dan saudara mara selepas memeluk islam.
- Sebagai tempat perlindungan muallaf dari ancaman-ancaman luar termasuk ancaman keluarga
- Sebagai pusat bimbingan fardu ain jangka pendek kepada muallaf
- Memberi ilmu vokasional kepada muallaf demi sosioekonomi yang lebih baik.
- Menyusun semula hala tuju muallaf dari segi emosi dan sosial mereka bagi kehidupan yang lebih baik.
- Memelihara aqidahnya dari dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

APAKAH KELEBIHAN DAN FAEDAH SEKIRANYA PENGISLAMAN SESEORANG DIDAFTARKAN

- | | | | |
|--|---|---|---|
| 1 | 2 | 3 | 4 |
| Bantuan kebajikan dapat disalurkan dengan baik | Pengurusan jenazah dapat disempurnakan mengikut syariat Islam | Pembahagian harta pusaka boleh dibuat kepada waris yang Islam | Tiada kekeliruan status agama dalam kalangan masyarakat |

TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA untuk membantu rakan muallaf kita yang belum daftarkan pengislamannya ke MAIS atau mana-mana Pusat Pengurusan Pengislamatan terdekat.

(Sila layari laman web rasmi MAIS www.mais.gov.my untuk dapatkan maklumat lanjut berkaitan alamat Pusat Pengurusan Pengislamatan)

Kesimpulannya, melalui dana zakat asnaf muallaf, diharapkan penyaluran bantuan kewangan dan kebajikan muallaf termasuklah pemberian wang sagu hati atau insentif pemelukan Islam bagi menarik dan menjinakkan hati saudara baru di samping meringankan tekanan yang dihadapi semasa fasa permulaan masuk Islam dapat membantu menjalani kehidupan beragama. Di samping bantuan berbentuk kewangan, kebajikan muallaf turut diuruskan melalui bantuan perlindungan di rumah penempatan sementara, bantuan pendidikan dengan menanggung kos pengajian muallaf di institusi-institusi terpilih, bantuan kos atau alat perubatan, bantuan perkahwinan dan banyak lagi

Moga bermanfaat dan asbab kebaikan. **Edisi**

TIPS MUALLAF AGAR MENTAL KEKAL SIHAT

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)

Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Divisyen Syariah dan Dakwah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Kesihatan mental mempunyai korelasi (hubungan) yang erat dengan tekanan perasaan yang disebut sebagai stress. Maka, apakah kaitannya dengan muallaf? Ya, kerana tidak dapat dinafikan bahawa muallaf memang berdepan dengan tekanan perasaan ini.

Seorang sahabat muallaf pernah memberitahu, ibu bapanya marah sekali dengan keputusannya memeluk Islam. Malah dia mengambil masa yang sangat lama memujuk mereka. Meyakinkan bahawa dia masih anak mereka. Dia berjuang mengekalkan nama asalnya. Alhamdulillah, akhirnya dia berjaya melembutkan hati orang tuanya.

"Kamu pilih antara dua. Emak atau Islam?"

Demikian pula kisah seorang gadis berketurunan Dayak yang berhadapan detik sukar saat dia memilih Islam. Keluarganya adalah penganut agama berbeza yang taat. Lalu, kala mengetahui dia berhijrah kepada Islam, dia diberikan tekanan yang sangat dahsyat. Dia dikurung, diancam malah dinafikan hak kebebasan. Dia terpaksa berpura-pura murtad untuk menyelamatkan diri.

Semua ini tidak sukar difahami memandangkan latar sosio-sejarah Malaysia, termasuklah Selangor yang pernah berhadapan dengan isu konflik antara kaum, khususnya era 13 Mei 1969. Prasangka biar pun cuba dikikis, nampaknya masih belum benar-benar terhakis. Masih wujud sentimen, Islam itu Melayu dan Melayu itu Islam. Walhal, Melayu adalah jenama bangsa; sedang Islam adalah agama. Bangsa Cina dan India hakikatnya lebih awal memeluk Islam berbanding orang Melayu.

Sentimen ini sebenarnya telah memberikan tekanan perasaan kepada kalangan muallaf. Benar, memang ada segelintir ibu bapa yang terbuka menerima keislaman anak-anak mereka; namun selalunya lebih ramai yang enggan menerima dan memberikan tekanan kepada mereka. Sering terjadi mereka dipulaukan dan ada yang lebih tragis dipaksa kembali murtad.

Bayangkan betapa tegarnya mereka mempertahankan akidah. Bayangkan pula betapa teruknya tekanan yang mereka hadapi.

Menanggapi persoalan ini, Dr. Osman Chuah yang juga seorang muallaf melalui kajian PhD beliau pada tahun 1997 (bertajuk: '*Interaction and Integration of Chinese Muslims with their Malay Counterparts in Selangor*') menyatakan, wujud banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh kaum Cina-Muslim pasca keislaman mereka.

Beliau menyatakan, sesuatu yang tidak dapat disangkal ialah, masih ada dalam keluarga non muslim yang beranggapan bahawa 'masuk Islam' itu sebagai 'masuk Melayu', dan ia dikaitkan sebagai pengkhianatan kepada bangsa sendiri. Ini adalah suatu label yang sangat sadis yang perlu dipukul oleh seorang non muslim.

Selain daripada itu, bagaimanakah penerimaan masyarakat Melayu-Islam kepada kalangan bukan Melayu yang memeluk Islam di Malaysia? Penulis tidak mampu menyatakan secara tepat, kerana secara peribadi, belum menjalankan sebarang kajian saintifik mengenainya. Namun, dari pemerhatian yang dilakukan, umumnya kaum Melayu-Islam susah untuk berinteraksi dengan muallaf.

Akibatnya, muallaf juga berdepan dengan sentimen dan penerimaan yang 'sedikit kurang mesra' dari kaum Melayu-Islam yang membentuk komposisi paling dominan di Malaysia.

Penulis teringat kisah seorang muallaf India yang mengadu, dirinya agak terasing dan kurang diraikan ketika cuba solat berjemaah di surau

yang ahli kariahnya adalah majoriti Melayu-Muslim. Puncanya, hanya kerana sedikit kecuaian ketika dia mengambil wuduk dan percikan hembusan air dari hidungnya mengenai orang lain. Dia dimarahi.

Demikian jugalah apabila seorang muallaf cina yang selalu melakukan kerja-kerja amal, ada pula suara-suara sumbang yang mengatakan dia lebih sudu dari kuah. Bila dia beriya-iya mempertahankan Islam, ada pula orang merasakan dia seorang muallaf yang sewajarnya lebih 'low profile'. Pendeknya, serba tidak kena.

Sering juga mereka yang mahu mendekati Islam dianggap mahu mengambil kesempatan. Ini adalah satu stigma negatif yang sangat merosakkan.

"Saya dianggap mahu dapat zakat dan bantuan kerajaan bila mahu memeluk Islam."

Ujar seorang muallaf India kepada penulis. Luahan ini terus membuktikan bahawa tanggapan umum di atas adalah benar.

Lalu, sama ada disedari ataupun tidak, persepsi dan sentimen negatif sedemikian telah berjaya membentuk pola fikir 'bukan Melayu-Islam' yang berdampak negatif kepada mereka. Ia memberikan tekanan perasaan. Sesuatu yang sukar dimengerti, kecuali oleh mereka yang melalui.

Atas dasar itulah, kita pernah melihat ada muallaf yang mengambil pendekatan menukar identiti menjadi 'Melayu-Islam celup' lalu bebau Melayu teluk belanga, berbaju kurung dan kebaya, bersongkok dan pada masa yang sama meninggal kayu penyepit, tanglung dan segala asal budayanya.

Edisi kali ini cuba merungkai isu tekanan dalam kalangan muallaf ini dengan mengemukakan beberapa solusi:

- 1 **NIAT:** Tekadkan niat masuk Islam kerana Allah, bukan kerana manusia atau sesuatu yang lain. Tekad yang bulat inilah yang membantu para sahabat zaman silam kekal dalam akidah Islamiah, walaupun diuji dengan pelbagai deraan.
- 2 **PERGAULAN:** Bergaulah dengan kelompok yang membina kekuatan diri sebagai muslim. Misalnya dengan mendekati kalangan muallaf yang sudah berjaya atau NGO muallaf yang sentiasa terbuka membantu.
- 3 **KONGSI:** Muallaf perlu berkongsi masalah yang ada dengan pihak lain agar solusi dapat dicari. Dalam hal ini, guru-guru pembimbing muallaf misalnya yang disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) boleh dijadikan tempat berkongsi masalah dan mendapatkan nasihat.
- 4 **MOTIVASI:** Muallaf perlu sentiasa memotivasi diri. Salah satu caranya dengan membaca kisah-kisah para sahabat nabi yang memeluk Islam pada zaman awal Islam dahulu.
- 5 **ILMU:** Muallaf perlu giat mencari dan mengisi ilmu di dada agar segera dapat memperbetulkan amalan dan seterusnya dapat menghayati Islam dalam kehidupan.
- 6 **IBADAH:** Muallaf perlu mendekatkan diri dengan Allah SWT melalui amal ibadah seperti solat, membaca al-Quran dan zikrullah.

Sekian, semoga para muallaf dapat terus istiqamah dan meneladani tingkah laku Umar bin al-Khattab, Bilal bin Rabah dan Sumayyah dalam mempertahankan Islam. Wallahu'lam. **Edisi**

PEREBUTAN HAK PENJAGAAN ANAK MUALLAF

Oleh: Salawati binti Hamid (wawa@mais.gov.my)

Eksekutif, MAIS

Sumber: <https://peguamsyariefas.com.my/status-agama-anak-bawah-umur/>

Bila berbicara berkaitan hak penjagaan anak, ia merupakan permasalahan rumah tangga yang berlaku ketika itu. Pelbagai tohmahan yang dilalui oleh ibu bapa dalam melayari mahligai rumah tangga, yang menjadi mangsa dalam permasalahan ini adalah anak itu sendiri.

Permasalahan ini boleh diatasi sekiranya ibu bapa mendalami ilmu melayari rumah tangga itu dengan baik sekali. Memahami anak bukanlah mudah. Ia memerlukan proses pembelajaran dan perjalanan pengalaman yang tiada nilainya.

Dalam institusi rumah tangga, faktor agama adalah merupakan elemen yang sangat penting. Pegangan agama adalah tonggak kepada cerminan kebahagiaan rumah tangga. Proses pengajaran dan pembelajaran juga boleh di timba dalam kehidupan sehari-hari berumah tangga. Kebahagiaan dan keberkatan akan datang sekiranya rumah tangga bahagia.

Dalam isu hak penjagaan anak yang melibatkan penceraian, akan menyebabkan perebutan hak penjagaan anak. Baru-baru ini, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan seorang ibu yang memeluk Islam untuk kebenaran membuat rayuan terhadap perintah Mahkamah Persekutuan dengan memberikan hak penjagaan penuh kepada dua-anaknya kepada bekas suami yang beragama Buddha.

Dalam kes ini, terdapat banyak isu yang kemungkinan akan berlaku misalnya tuntutan nafkah iddah, nafkah anak, mutaah, harta sepencarian dan yang sering menjadi rebutan pasangan yang sudah bercerai adalah hadhanah. Tuntutan hadhanah atau hak jagaan anak yang akan menjadi lebih sukar sekiranya ia melibatkan pasangan Islam dan bukan Islam. Hal ini terjadi apabila salah seorang pasangan bukan Islam tersebut memeluk agama Islam dan menuntut hak jagaan anak.

Dalam Islam, pandangan ulama juga menjadi rujukan utama kepada sesuatu perkara.

Pandangan Iman al-Imraniyy dari Mazhab Shafie: Imam al-Imraniyy (2000) menjelaskan di dalam kitabnya "al-Bayan Fi Madhhab al-Imam al-Shafie":

Maksudnya, "Tidak sabit hak penjagaan anak bagi orang fasik, kerana tidak ada jaminan keselamatan yang kanak-kanak itu akan membesar mengikut caranya. Sekiranya salah seorang daripada ibu bapa itu adalah beragama Islam, maka anak tersebut diberikan kepada yang beragama Islam, dan tidak sabit hak penjagaan kepada orang kafir"

Seterusnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-87 memutuskan bahawa:

Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah berpandangan bahawa di dalam Islam, Jumhur Ulama telah bersepakat bahawa apabila salah seorang ibu atau bapa memeluk Islam, agama anak di bawah umur juga adalah Islam dan penjagaan anak hendaklah diletakkan di bawah ibu atau bapa yang beragama Islam.

Berdasarkan kepada hukum syarak, hak penjagaan kanak-kanak itu sekiranya berlaku penceraian, agama anak-anak tersebut kembali kepada ajaran Islam.

Antara kes-kes yang berkaitan dengan isu di atas adalah kes *Subashini Rajasingam Lawan Saravanan Thangathoray*. Suami iaitu Saravanan telah memeluk agama Islam dan dia juga turut mengislamkan anak sulungnya yang pada ketika itu berusia 4 tahun. Isterinya, Subashini, membantah tindakan Saravanan yang telah mengislamkan anak lelakinya kerana tidak mendapatkan persetujuannya terlebih dahulu.

Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa ayah kepada kanak-kanak tersebut berkuasa untuk mengislamkan anaknya berdasarkan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa agama seseorang yang berada di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditentukan oleh ibu atau bapa atau penjaganya.

Oleh disebabkan itu, dalam kes ini, secara tidak langsung ayah tersebut berhak untuk mengislamkan anaknya walaupun tanpa persetujuan daripada ibu anak tersebut.

Bila mana dipraktikkan di Negara Malaysia, peruntukan undang-undang semasa akan menentukan hak penjagaan dan status agama anak-anak tersebut. Begitu juga di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). MAIS ada menyediakan nasihat bantuan guaman syarie yang membolehkan pelanggan mendapatkan nasihat berhubung tatacara perundungan seperti tuntutan nafkah iddah, nafkah anak, mutaah, harta sepencarian dan yang sering menjadi rebutan pasangan yang sudah bercerai. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan, sila hubungi:

Bahagian Syariah, Sektor Undang-Undang, Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 6, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5514 3643 • Fax: 03-5512 7202

Portal Rasmi: www.mais.gov.my

GLOBAL UNITY NETWORK (UNITY)

Oleh: Ahmad Firdaus Bin Muhammad (firdaus@mais.gov.my)
Eksekutif Penyelidikan, MAIS

Global UNITY Network (UNITY) yang ditubuhkan pada 28 Mac 2015 adalah sebuah NGO Islam yang terlibat secara langsung melatih Muslim untuk menyampaikan Islam kepada masyarakat dengan cara yang berhemah dan bijaksana. UNITY juga seringkali menganjurkan ‘interfaith engagement’ dengan ketua-ketua agama lain, lawatan ke rumah-rumah ibadah, latihan di luar negara selain program dan aktiviti kerjasama untuk memudahkan kefahaman tentang Islam.

Moto UNITY ialah “**Perpaduan Melalui Pengetahuan**” UNITY berhasrat untuk menggalakkan perpaduan walaupun berbeza latar belakang dan kepercayaan melalui pemahaman yang lebih baik antara satu sama lain. UNITY percaya bahawa pemahaman yang bersifat kontemporari akan dapat mengurangkan salah tanggapan dan prasangka yang salah dalam masyarakat. Objektif UNITY adalah seperti berikut;

- 1 Memantapkan ‘soft-skill’ serta pengetahuan dalam bidang dakwah di kalangan kader.
- 2 Berdepan isu-isu kontemporari secara proaktif.
- 3 Menghasilkan tenaga pengajar (*Trainer*) yang akan melatih orang awam berkenaan teknik mengendali urusan berkaitan dengan dakwah.
- 4 Menghasilkan tenaga kader sukarelawan terlatih kepada pelbagai agensi dan badan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan dakwah, pengurusan muallaf dan gejala murtad.
- 5 Semoga usaha murni ini yang dirancang ini dapat memberikan manfaat kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi mencapai objektif menyampaikan Islam kepada semua.

Antara program-program yang berimpak tinggi telah dilaksanakan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia dan luar negara ialah;-

- 1 **Fundamentals And Basics Of Interfaith.**
- 2 **Jom dekati yang jauh (Versi Doodle).**
- 3 **Unity Friendly Outreach (UFO).**
- 4 **Siri Rangsangan Dakwah - Fb Live.**
- 5 **Kelas Muqaddam Online Untuk Muallaf.**
- 6 **Kursus Gempak Berceramah.**
- 7 **Program Bantuan Kebajikan COVID-19.**

Seperkara yang menarik dan menjadi kekuatan kepada Global Unity Network dalam misi dakwahnya adalah program UFO atau dikenali sebagai *Unity Friendly Outreach*. UFO adalah satu platform untuk alumni FBI turun padang/praktikal setelah selesai kursus *Fundamentals & Basics of Interfaith (FBI)*. Program ini dilakukan dengan kaedah turun padang untuk berjumpa dengan saudara-saudara Non-Muslim iaitu dengan memberi pemahaman tentang Islam dengan cara yang berhikmah, mempromosi perpaduan dan keharmonian serta membina hubungan antara pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Dengan makna lain program ini juga seperti berkonsepkan *Street Dakwah*, tetapi telah diubahsuai menjadi lebih harmoni dan penuh kasih sayang. **Edisi**



Sebarang pertanyaan atau pandangan berkaitan NGOi, sila hubungi Cik Amirah Addilah Binti Mohd Johari, Unit Pembangunan NGO-i, Bahagian Pendaftaran Muallaf dan PIBK, MAIS di talian **03-33614000** atau emelkan kepada jpngoimais@gmail.com.

Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Agihan Fidyah MAIS RM23,000.00 Diagih Kepada 230 Penerima Yang Layak Di Daerah Klang Dan Petaling Jaya

APRIL 2022 – Alhamdulillah, MAIS telah mengagihkan sumbangan fidyah kepada 230 keluarga yang layak di daerah Klang dan Petaling Jaya dengan nilai sumbangan berjumlah RM23,000.00. Daripada 230 keluarga itu, adalah penerima bagi daerah Klang seramai 114 keluarga 116 keluarga bagi daerah Petaling Jaya. [Edisi](#)



Majlis Ramah Mesra Eidulfitri Baitul Islah Disambut Meriah

MEI 2022 – Biarpun Syawwal semakin menghampiri ke penghujungnya, namun suasana meriah Eidulfitri masih terasa apabila amalan kunjung mengunjung dan rumah terbuka terus diadakan. Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS turut tidak ketinggalan menganjurkan majlis rumah terbuka dan ramah mesra bagi meraikan sambutan Eidulfitri kepada keluarga pelatih-pelatih. [Edisi](#)



MAIS Sumbang RM11.2 Juta Bantu Asnaf Riqab

APRIL 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyerahkan sumbangan RM11.2 juta kepada 24 buah Rumah Pemulihan Riqab (RPR) menerusi Bantuan Geran Pemulihan Riqab bagi membantu kebajikan asnaf riqab. Sumbangan RM11.2 juta itu melibatkan kos program, pengurusan dan penjagaan Rumah Pemulihan Riqab di bawah seliaan MAIS bagi tahun 2022. [Edisi](#)

MAIS ADAKAN PERBINCANGAN MEJA BULAT: Keperluan Mengadakan Peruntukan Dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Yang Menjelaskan Kedudukan Fahaman/Ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Agama Islam Yang Diamalkan Dan Dianuti Dalam Negeri Selangor

MEI 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan Perbincangan Meja Bulat (PMB): Keperluan mengadakan peruntukan dalam undang-undang tubuh negeri yang menjelaskan kedudukan fahaman/ajaran ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai agama Islam yang diamalkan dan dianuti dalam negeri Selangor. [Edisi](#)



MAIS LANCAR SISTEM SISWA, INOVASI BARU URUS WASIAT DAN HIBAH ATAS TALIAN SECARA MUDAH DAN PANTAS – Sempena Kempen Bulan Kesedaran Wasiat dan Pusaka Negeri Selangor

JUN 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah membuat pelaksanaan inovasi baru dengan melancarkan Sistem Wasiat dan Hibah (SISWA) bagi memudahkan masyarakat Islam menguruskan wasiat dan hibah secara mudah dan pantas melalui atas talian di <https://siswa.mais.gov.my>. [Edisi](#)



Sumber : Majlis Agama Islam Selangor



Sumber : Jabatan Agama Islam Selangor



MAIS Erat Hubungan Dengan Media, Tanda Hargai Jasa dan Kerjasama

JUN 2022 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sentiasa menghargai sumbangan dan komitmen pihak media yang banyak membantu mempertingkatkan imej dan perkhidmatan MAIS di mata masyarakat. [Edisi](#)

Kaunter Baitulmal MAIS Dan Hari Bertemu Pelanggan HSAS

JUN 2022 – Bersempena Kempen Bulan Kesedaran Wasiat & Pusaka, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah membuka kaunter Baitulmal MAIS di Hospital Shah Alam, Selangor bagi berkongsi maklumat berkaitan hibah, wasiat, faraid & lain-lain perkhidmatan MAIS. [Edisi](#)



Keputusan Mahrajan Memanah Kejohanan Sukan Sekolah Agama (MESMA) Kebangsaan Kali ke-3

JUN 2022 - Selangor muncul juara buat kali ke tiga berturut-turut dalam Mahrajan Memanah Kejohanan Sukan Sekolah Agama (MESMA) Kebangsaan Kali ke 3. Kejohanan yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Persatuan Memanah Negeri Johor disertai oleh wakil-wakil dari sekolah agama seluruh Malaysia. [Edisi](#)

Majlis Penyerahan Buah Kurma Untuk Kakitangan Jabatan Agama Islam Selangor & Warga Kerja Bangunan Sultan Idris Shah

APRIL 2022 - Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), telah menyerahkan sumbangan buah kurma untuk kakitangan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, Jabatan Pendakwaan Negeri Selangor, Perbadanan Wakaf Negeri Selangor dan warga kerja Bangunan Sultan Idris Shah. [Edisi](#)



Majlis Sambutan Hari Guru Jabatan Agama Islam Selangor Tahun 2022

MEI 2022 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Guru Jabatan Agama Islam Selangor Tahun 2022 bertempat di Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Majlis ini diadakan bertujuan bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan guru-guru lantikan kerajaan negeri Selangor dan JAIS. [Edisi](#)



Sumber : Lembaga Zakat Selangor



Mohd Sabirin Diumum CEO Baharu LZS

APRIL 2022 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengumumkan pelantikan Mohd Sabirin Mohd Sarbini sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) berkuatkuasa 1 April 2022. Pelantikan Mohd Sabirin adalah bagi menggantikan Saipolyazan M. Yusof yang menamatkan tempoh perkhidmatannya pada 24 Mac lalu. [Edisi](#)



LZS Rekodkan Prestasi Positif Kutipan Dan Agihan 2021

APRIL 2022 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) merekodkan prestasi positif menerusi peningkatan agihan dan kutipan zakat di negeri Selangor pada tahun lalu, iaitu peningkatan sebanyak RM922 juta diagihkan sementara RM993 juta dikutip. [Edisi](#)



LZS Lancar Modul Bersepadu Baitus Salam

APRIL 2022 – Lembaga Zakat Selangor (LZS) melancarkan Modul Bersepadu Baitus Salam yang disempurnakan oleh Pengurusi Jawatankuasa Penasihat Baitus Salam, Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah dalam satu majlis yang diadakan di sini. [Edisi](#)

Sumber : Yayasan Islam Darul Ehsan



30 Anak Yatim Seliaan YIDE Iftar Bersama Pemain Selangor FC

APRIL 2022 - Anak-anak yatim seliaan YIDE dibawah pengurusan Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras dijemput menghadiri Iftar dan menyaksikan perlawanan bola sepak liga super antara Selangor FC dan Kedah Darul Aman di Stadium MBPJ Petaling Jaya. [Edisi](#)



YIDE KUIS Rancang Kerjasama Strategik Anak Yatim

MEI 2022 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) hadir ke Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dalam rangka kunjungan mahabbah eidulfitri. [Edisi](#)



YIDE Rai Jururawat 6 Cawangan Pusat Dialisis MAIS

JUN 2022 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) meraikan 62 kakitangan yang terdiri daripada Jururawat, Pembantu Jururawat dan juga petugas bukan klinikal sempena Hari Jururawat 2022 yang disambut pada 12 Mei 2022 yang lalu. [Edisi](#)



Sumber : Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor



Lestari Industri HALAL, KUIS-Islah Venture Sdn Bhd Jalin Kerjasama

APRIL 2022 – Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) melalui Fakulti Pengurusan dan Muamalah hari ini memeterai sebuah Memorandum Persefahaman bersama Islah Venture Sdn Bhd (IVSB). [Edisi](#)



Majlis Baiah Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIS bagi Sesi 2022/2023

MEI 2022 – Seramai 26 orang ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUIS Sesi 2022/2023 telah mengikuti majlis baiah dan bacaan ikrar yang diadakan di Dewan Senat KUIS. Majlis ini turut dihadiri Yang Berbahagia Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi Bin Abdullah, Rektor, barisan Pengurusan Tertinggi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan dekan-dekan fakulti dan pusat. [Edisi](#)



Memorandum Persefahaman (MoU) KUIS - MTISI Lahirkan Huffaz Kompeten

JUN 2022 – KUIS melalui Fakulti Pendidikan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Maahad Tahfiz Integrasi Sahabat Insani (MTISI) dalam usaha melahirkan huffaz yang kompeten di samping dapat mengembangkan kajian dan penyelidikan dalam bidang-bidang berkaitan terutamanya pendidikan. [Edisi](#)



Sumber : Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor



Kongsi Rezeki MRS Gombak Barat 3.0

APRIL 2022 – Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat telah sekali lagi, untuk kali yang ke-3, melaksanakan “Program Kongsi Rezeki 3.0”. Program ini dibuat adalah bertujuan untuk memberikan bantuan kepada keluarga-keluarga yang terkesan dan terjejas punca pandapatan akibat daripada pandemik Covid19. Sebanyak 10 buah keluarga telah terpilih untuk menerima bantuan ini. [Edisi](#)

Program Jom Baca Bersama 10 Minit, Quran Hour, Penyampaian Hadiah Secara Maya Untuk Program Read & Review

APRIL 2022 – Bahagian Penyelidikan dan Pusat Sumber dengan kerja sama Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan (BPSMP) JKSM telah menganjurkan program Jom Baca 10 minit, Quran Hour dan Penyampaian Hadiah Read & Review. Program Jom Baca 10 minit menjadi acara rutin setiap tahun sebagai simbolik sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. [Edisi](#)



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 Dan Jasamu Dikenang

MEI 2022 – Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JKESS) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021, Jasamu Dikenang, Pelancaran Pelan Strategik dan Sistem e-Trace pada 13 Mei 2022 bertempat di Hotel Concorde Shah Alam. [Edisi](#)



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

Oleh: Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamu'laikum semua pembaca setia Edisi MAIS. Semoga sihat dan ceria. Bagaimana dengan penggunaan kalimah 'ahlan wa sahlan' sebelum ini? Semoga telah berjaya dipraktikkan.

Ingat, bahasa Arab perlu diamalkan agar ia menjadi basahan. Jika malas digunakan, alamat kita tidak akan berjaya menguasainya sampai bila-bila.

Pada kali ini kita akan memperkenalkan kalimah 'mohon maaf' atau 'izinkan saya'. Dalam bahasa Inggeris seringkali ia diungkapkan dengan kalimah 'excuse me'. Dalam bahasa Arab ia adalah kalimah 'lau samahta' jika diucapkan kepada lelaki atau 'lau samahti' jika diucapkan kepada perempuan.

Cuba perhatikan ya: **لوسمحت**

Contoh penggunaan kalimah ini dalam ayat lengkap ialah:
"Maafkan saya, bolehkah saya tumpang lalu?"

Jika dalam bahasa Arab: **"لوسمحت هل يمكنني المرور"**

Bunyinya: "Lau samahta, hal yumkinuni al murur?"

Baiklah, bolehlah amalkan dahulu ayat di atas dalam kehidupan sehari-hari.

Tambahan: Berikut adalah antara kalimah yang elok kita hafal dan gunakan sehari-hari

Bahasa Arab	Tulisan Rumi	Makna
صحيفة	So-hii-fah	Surat khabar
سعيد	Sa'iid	Gembira
المطعم	Al-mat'-am	Restoran
تفضل	Ta-fad-dal	Silakan
الآن	Al-Aan	Sekarang
غداً	Gha-dan	Esok
امس / براحة	Baa-ri-hah / Ams	Semalam
ساحة	Sa-ha-tun	Halaman
مطبخ	Mat-ba-khun	Dapur
غرفة	Ghur-fa-tun	Bilik / Kamar
خزانة	Khi-za-na-tun	Almari
جدار	Ji-daa-run	Tembok
نافذة	Naa-fi-da-tun	Tingkap
أريكة	A-rii-ka-tun	Sofa

Wallahu'lam. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI KEDUA PULUH SEMBILAN)

أوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن
منشي ديوان (جاوي)

KAEDAH PENULISAN JAWI PADA KATA PINJAMAN BAHASA INGGERIS. (KATA UNGKAPAN ASING)

Terdapat juga istilah atau ungkapan dari bahasa-bahasa lain yang digunakan di negara kita secara meluas. Namun istilah ini tidak terserap dalam Bahasa Melayu. Kaedah ejaan bagi ungkapan atau istilah asing ini ada dua, iaitu :

- i- Dieja mengikut bunyi sebutan lazim dalam urusan rasmi oleh penutur Bahasa Melayu.
- i- Dieja mengikut padanan huruf rumi-jawi dalam Bahasa Melayu.

Bagi mengelakkan kekeliruan, adalah lebih baik ungkapan asing ini ditulis beserta dengan ejaan rumi didalam kurungan untuk pertama kali penggunaan seperti (ala carte) **الاكرت**

Contoh bagi perkataan dari ungkapan asing yang dieja mengikut bunyi atau ungkapan asing ialah :

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
<i>ex officio</i>	ایک س او فیشیو	<i>feng syui</i>	فڠسو
<i>passim</i>	قسيم	<i>freemason</i>	فریماسون
<i>per se</i>	قر سی	<i>gay</i>	گئی
<i>sratus qo</i>	ستاتوس کو	<i>harbeas corpus</i>	هابیس کورفنس
<i>prima fasi</i>	قریما فاسی	<i>hi-fi</i>	های فای

Contoh bagi perkataan dari ungkapan asing yang dieja mengikut padanan huruf rumi-jawi dalam Bahasa Melayu ialah:

Rumi	Jawi	Rumi	Jawi
<i>klorofil</i>	کلوروفیل	<i>mala fide</i>	ملا فیدی
<i>afidavit</i>	افیداویت	<i>introvert</i>	اینترروفرت
<i>vis a vis</i>	فیس ا فیس	<i>ultra vires</i>	اولترا فیریس
<i>revolutioner</i>	ریپولو سیوینر	<i>bona fide</i>	بونا فیدی
<i>rinovirus</i>	رینوفیروس	<i>ex parte</i>	ایک س ڦرتی

Kesimpulannya, cara penulisan istilah atau ungkapan dari bahasa-bahasa asing yang tidak terserap dalam Bahasa Melayu dieja mengikut bunyi sebutan atau/dan dieja mengikut padanan huruf rumi-jawi bergantung kepada kesesuaian. **Edisi**

Dari ‘Zero ke Hero’, Da'i Adam Impi Jadi Ikon Muallaf

Oleh: Shahru Effendy bin Md Saat (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam, MAIS



Da'i Adam atau nama penuhnya Muhammad Adam Muhibullah bin Abdullah merupakan peserta muallaf yang pernah mencipta sejarah menjuarai program realiti rancangan dakwah suatu ketika dulu.

Mungkin ramai yang tertanya-tanya, ke mana hilangnya Da'i Adam selepas menjuarai program Da'i Pendakwah Nusantara musim ke-6 tahun 2018? Baru-baru ini, penulis berkesempatan mengadakan temubual dengan Da'i Adam mengenai perkembangan terbaru beliau, menyingskap serba sedikit tentang dirinya dari ‘zero ke hero’ yang mengimpikan untuk menjadi ikon inspirasi kepada muallaf.

EDISI MAIS: Perasaan Da'i Adam sebagai peserta muallaf yang berjaya menjuarai program Da'i Pendakwah Nusantara?

DA'I ADAM: Alhamdulillah saya bersyukur atas ketentuanNya. Pada mulanya saya hanya menemani rakan yang ingin menyertai ujibakat, namun atas sokongan keluarga dan rakan-rakan, saya cabar diri saya untuk menyertai program ini. Saya menang bukan kerana saya lebih baik dari yang lain, tetapi saya anggap ianya adalah suatu perancangan Allah untuk saya yang bukan sahaja memberi kesan semasa program, tetapi juga setelah tamat program sehingga sekarang.

Selaras berjaya menjadi juara program Da'i Pendakwah Nusantara, apakah aktiviti yang dilakukan oleh Da'i Adam ketika itu?

Selaras program Da'i, saya sebenarnya masih menyambung pengajian Ijazah yang berbaki satu semester di KUIS. Ketika itu, saya perlu menyusun jadual sebaiknya agar tidak mengabaikan pendidikan dan juga kesihatan. Saya turut mengambil jemputan ceramah, namun terpaksa hadkan kerana faktor masa dan pengajian.

Perkembangan terbaru Da'i Adam?

Alhamdulillah, saya kini bekerja di Lembaga Zakat Selangor (MAIS) sebagai Eksekutif Pembangunan Muallaf Daerah. Selain itu, saya juga semakin aktif mengambil jemputan ceramah dan jemputan-jemputan lain setelah hampir 2 tahun terikat dengan pandemik.

Impian dan perancangan Da'i Adam dalam memberi inspirasi kepada muallaf yang ingin berjaya di luar sana?

Saya berharap semakin ramai muallaf di luar sana dapat berusaha bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang diceburi. Insya-Allah, pasti berjaya, dengan adanya penghayatan agama yang jitu dan utuh. Saya juga masih cuba untuk mencapai beberapa matlamat dan juga impian yang belum tercapai. Semoga dengan memperbaiki diri dan meningkatkan potensi diri ini mampu menjadi motivasi kepada seluruh muallaf di luar sana. Di samping itu, saya juga sedang berusaha dalam membangunkan asnaf muallaf melalui program-program pembangunan yang dilaksanakan memandangkan kerjaya saya sekarang berhadapan dengan muallaf-muallaf.

Pesan dan kata-kata Da'i Adam kepada muallaf-muallaf agar terus mendalamai agama Islam dengan lebih baik.

Janganlah kita terus selesa bergelar muallaf. Kita tidak selamanya akan dipanggil muallaf. “Stand up”, ingat semula dan cari semula ‘rasa’ indahnya hidayah ketika mula-mula kita merasainya. Saya hanya harap agar muallaf yang lain juga dapat berusaha dan keluar dari ‘comfort zone’ dalam menjadi muslim yang lebih berjaya. Kita semua adalah sama kecuali pada taqwanya. **Edisi**



BIODATA

Nama Penuh: Muhammad Adam Muhibullah Bin Abdullah
Tarikh Lahir: 19 Oktober 1992

Asal: Ranau, Sabah

Latar Belakang Pendidikan: Ijazah Dakwah Dengan Pengurusan Sumber Insan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Sedikit latar belakang kerjaya:
Penceramah bebas, Guru Muallaf

Pencapaian:
Juara program Da'i Pendakwah Nusantara bagi musim ke-6 (2018)

Kerjaya Terkini:
Eksekutif Pembangunan Muallaf Daerah, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

PERWARISAN HARTA MUALLAF

Oleh: Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi, (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS



Saudara Baru adalah merujuk kepada mereka yang baru memeluk agama Islam dan mereka dianggap sebagai "saudara baru" dalam konteks kemunculannya dalam masyarakat Islam di mana setiap umat Islam itu adalah bersaudara.

Saudara baru dan warisnya yang bukan beragama Islam adalah tidak saling mewarisi. Para ulama bersepakat dengan merujuk kepada hadis Rasulullah S.A.W daripada Usamah bin Zayd R.A. yang bermaksud:

"Orang Islam tidak mewarisi harta pusaka orang yang bukan Islam, dan orang yang bukan Islam juga tidak mewarisi harta pusaka orang Islam"

(Riwayat Muslim)

Dalam hadis yang lain, tegahan waris yang bukan Islam daripada mewarisi harta pusaka saudaranya yang beragama Islam juga boleh difahami melalui hadis Rasulullah S.A.W daripada Abdullah bin Amru R.A. yang bermaksud: "Orang yang berbeza agama tidak akan mewarisi."

(Riwayat Abu Dawud)

Saudara baru hanya mewarisi dan diwarisi dalam kalangan saudara-maranya yang bersamaan akidah dengannya, iaitu agama Islam. Dalam hal ini, kaedah pembahagian harta pusaka adalah sama iaitu "waris yang terdekat akan menghijab yang jauh". Waris yang terdekat ini hendaklah yang beragama Islam dan jumhur fuqaha berpandangan, waris yang bukan Islam tidak berhak untuk menghijab waris Islam yang lain kerana mereka tidak dianggap sebagai waris yang sah di sisi hukum syarak.

Apabila seseorang waris yang bukan beragama Islam dihalang daripada mewarisi harta pusaka seorang muallaf, maka dia juga terhalang daripada berfungsi sebagai penghijab. Justeru, sekalipun dalam kaedah umum hukum pusaka menyatakan bahawa waris yang jauh tidak akan mewarisi apabila wujudnya waris yang dekat, namun kaedah ini tidak diterima pakai kepada waris yang bukan beragama Islam.

Dalam pelaksanaan pembahagian harta pusaka yang melibatkan muallaf, undang-undang di Malaysia tidak memperuntukannya secara khusus dalam statut pentadbiran Islam, tetapi secara umumnya ia adalah berdasarkan hukum syarak. Oleh itu, harta pusaka seorang muallaf yang meninggal dunia hanya akan diwarisi oleh warisnya yang beragama Islam dan sekiranya tiada waris, maka baitulmal akan mengambil keseluruhan harta tersebut.

Sekalipun faktor akidah menjadi sempadan dalam kelayakan pindahmilik harta dengan pusaka, ia tidaklah menafikan daripada melakukan alternatif lain bagi memindahmilik harta kepada waris yang bukan Islam. Ini kerana Islam tidak

menafikan hubungan biologi yang wujud di antara mereka yang berhubungan darah dan tanggungjawab kewangan ke atas mereka. Oleh itu adalah wajar bagi seorang muallaf untuk meninggalkan harta yang tertentu kepada anak, isteri, saudara dan ibu bapa walaupun mereka bukan beragama Islam bagi memastikan kebajikan mereka terjamin.

"Saudara baru" dan waris yang bukan beragama Islam juga berhak untuk mendapat hak daripada tanggungjawab yang terhutang. Menurut Sayyid Sabiq, apabila isteri yang bukan Islam memeluk agama Islam dan suaminya tidak turut serta, hak isteri sebagai waris tanggungan seperti dalam pembiayaan nafkah masih tidak gugur. Walaupun suami dihalang daripada bersekutuhan dengan isterinya, halangan tersebut bukanlah daripada isteri atas keengkaran dan sebagainya, tetapi halangan itu kerana suami tidak mahu memeluk Islam.

Bagi melaksana tuntutan hak dan kewajiban ke atas waris tanggungan ini, "Saudara baru" diharuskan membuat wasiat atau memberikan sebahagian harta tertentu kepada warisnya yang bukan Islam, seperti melakukan pemberian (*hibah*). Pendapat ini adalah berdasarkan kepada firman Allah S.W.T dalam surau al-Mumtahanah yang bermaksud:

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama kamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil"

Malah, sistem perundangan di Malaysia juga tidak menyekat seorang Muslim daripada memberi wasiat kepada orang bukan Islam. Dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 misalnya, tiada syarat yang menyatakan bahawa setiap penerima wasiat mesti seorang yang beragama Islam. Syarat bagi beneficiari wasiat yang diperuntukkan dalam seksyen 7 adalah:

- i. diketahui;
- ii. mempunyai kelayakan untuk memiliki harta yang diwasiatkan; dan
- iii. jika ditentukan, dia hendaklah wujud ketika wasiat dibuat dan jika tidak ditentukan, beneficiari tidak disyaratkan wujud sama ada ketika wasiat itu dibuat atau ketika pewasiat itu mati.

Justeru, waris yang bukan Islam boleh menerima wasiat daripada pewarisnya yang beragama Islam, dengan syarat tidak melebihi daripada satu pertiga harta melainkan mendapat persetujuan daripada waris yang lain. Wallahu'allam. **Edisi**

BANTUAN ZAKAT MUALLAF SUKAR DIPEROLEHI?

Oleh: Mohd Hafiz Bin Abdul Salam (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Penggunaan istilah Muallaf dalam bahasa Melayu jika dirujuk melalui Kamus Dewan membawa makna orang yang baru memeluk Islam manakala dalam pengertian Islam pula adalah membawa maksud saudara baru muslim yang telah membuat keputusan untuk menukar agama asal mereka kepada agama fitrah iaitu Islam. Mereka adalah individu yang baru memeluk Islam dan telah menetapkan hati mereka dengan menjadikan Allah SWT sebagai tuhan dan Islam sebagai panduan arah hidup mereka, justeru golongan ini hendaklah dibimbing dari hal yang berkaitan akidah serta ibadah sebagai seorang muslim. Dalam masa yang sama, golongan ini juga perlu dibantu dari segi kewangan, keselamatan, tempat tinggal dan sebagainya.

Di Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah satu badan yang ditubuhkan dan bertanggungjawab untuk melaksanakan kutipan dan agihan zakat ini. LZS juga bertanggungjawab untuk mengelola dan mengagihkan dana zakat bagi manfaat golongan sasaran (asnaf). Dana zakat adalah satu dana yang dikumpulkan dan perlu diagihkan mengikut kepada golongan asnaf yang disyariatkan. Dalam membincangkan perkara agihan ini, pelbagai isu dan masalah timbul daripada golongan asnaf yang masih belum menerima manfaat agihan dana zakat ini. Untuk artikel kali ini, kita akan membincangkan berkaitan agihan zakat terhadap golongan asnaf muallaf di Selangor.

Terdapat banyak jenis bantuan dibawah kategori Muallaf ini. Diantara bantuan yang ditawarkan oleh LZS adalah :



Secara kesimpulannya, cabaran golongan asnaf muallaf ini sejurus pengislaman mereka adalah sangat mencabar. Bermula daripada hubungan kekeluargaan, pekerjaan, kehidupan sosial sehingga kepada menjaga akidah serta dalam meningkatkan kefahaman Islam mereka. Oleh itu kaedah bantuan zakat dari LZS telah diper mudahkan iaitu secara penawaran dan permohonan. Justeru, dalam memastikan keislaman dan keimanan mereka bertambah kukuh kepada Islam, adalah menjadi tanggungjawab MAIS, LZS dan semua agensi yang berkaitan termasuk masyarakat Islam di Negeri Selangor untuk sentiasa membimbang dan membantu mereka dalam menjadi muslim yang berjaya dan sejati serta boleh menjadi da'i yang dapat menarik lebih ramai golongan yang belum Islam ke agama fitrah (Islam) ini. Wallahu'lam. **Edisi**

Secara umumnya, asnaf muallaf yang berdaftar di bawah seliaan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) akan ditawarkan bantuan yang diperlukan oleh mereka sejurus mereka memeluk Islam. Justeru, pendaftaran muallaf ini sangat penting dalam mengenalpasti jenis bantuan yang diperlukan oleh mereka. Terdapat dua kaedah bantuan kepada golongan ini iaitu pihak LZS akan menawarkan semua bantuan yang berkaitan sejurus pengislaman mereka dan permohonan yang dibuat sendiri secara individu dengan mengisi borang permohonan yang berkaitan seperti yang terdapat di dalam laman web LZS dan kaunter cawangan LZS diseluruh negeri Selangor. Asnaf muallaf boleh memohon semua jenis bantuan yang ada selagi mana mereka memegang gelaran asnaf Muallaf. Di Selangor, gelaran asnaf ini hanya terpakai bermula dari tarikh pengislaman mereka sehingga tahun kelima. Selepas itu semua bantuan zakat boleh dipohon atas kategori asnaf yang lain. Berikut adalah carta alir permohonan bantuan zakat di Lembaga Zakat Selangor.

KLINIK GUAMAN Syarie 2022



Dapatkan Khidmat Nasihat
Perundangan Syariah Secara
PERCUMA!

Masa Program
9.30 pagi - 2.30 petang



MRS SHAH ALAM 18.04.2022 (Isnin)	MRS KLANG 19.05.2022 (Khamis)	MRS KUALA SELANGOR 24.05.2022 (Selasa)	MRS PETALING 30.05.2022 (Isnin)
MRS SABAK BERNAM 31.05.2022 (Selasa)	MRS SEPANG 09.06.2022 (Khamis)	MRS KLANG 16.06.2022 (Khamis)	MRS SHAH ALAM 14.07.2022 (Khamis)
MRS HULU LANGAT 20.07.2022 (Rabu)	MRS SHAH ALAM 21.07.2022 (Khamis)	MRS AMPANG 27.07.2022 (Rabu)	MRS GOMBAK TIMUR 03.08.2022 (Rabu)
MRS HULU SELANGOR 15.08.2022 (Isnin)	MRS GOMBAK BARAT 06.09.2022 (Selasa)	MRS KUALA LANGAT 12.09.2022 (Isnin)	MRS PETALING 14.09.2022 (Rabu)
	MRS HULU LANGAT 15.09.2022 (Khamis)	MRS KUALA LANGAT 21.09.2022 (Rabu)	

*MRS (Mahkamah Rendah Syariah)

Untuk maklumat lanjut hubungi
Bahagian Undang-Undang Syariah, MAIS di Talian **03-5514 3643 / 03-5514 3695**



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgov.my

EDISI الطبعة MAIS

www.mais.gov.my



VIRAL KINI:
Bantuan Zakat
Muallaf Sukar
Diperolehi?

Ms 18



JOM BAYAR Qada Zakat **'ONLINE'**

PEMBAYARAN
QADA ZAKAT
SECARA DALAM TALIAN



Dengan 3 langkah mudah

1. Imbas QR kod atau layari <https://fpz.zakatselangor.com.my/>
2. Isi & lengkapkan maklumat diri anda
3. Buat bayaran zakat

TALIAN ZAKAT SELANGOR
1-300-88-4343

f zakatselangor | TV zakatTV@youtube

www.zakatselangor.com.my



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN
1010738-K

JOM INFaq!

KE AKAUN :
"YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN"
BANK ISLAM

(1223-40100-07330)

ATAU LAYARI TERUS LAMAN WEB :

www.yide.com.my

SCAN DI SINI :



INFAQ ANDA UNTUK MANFAAT:



MENYALURKAN
SUMBANGAN
BENCANA /
MUSIBAH



MEMBATU 268
PESAKIT
DIALISIS DI
PUTUS DIALISIS
MAIS



MENYALURKAN
BANTUAN KEPADA
8,500 ANAK
YATIM DI NEGERI
SELANGOR



MAKLUMAN!

SUMBANGAN ANDA LAYAK
MENDAPAT PERLEPASAN
CUKAI DIBAWAH SUBSEKSYEN
44 (6) AKTA CUKAI
PENDAPATAN 1967

MELALUI RESIT RASMI YANG DIKELUARKAN
OLEH YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE)



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



YIDE_OFFICIALHQ



WWW.YIDE.COM.MY